

**55,000 Disasar Sertai Program Komuniti 1Malaysia  
Bernama  
6 Januari , 2012**

HULU SELANGOR, 6 Jan (Bernama) -- Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan menyasarkan mengumpul 55,000 sukarelawan dalam masa terdekat menerusi program Komuniti 1Malaysia, yang berperanan memastikan Gagasan 1Malaysia difahami dan diamalkan rakyat.

Menteri berkenaan Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata kementerian akan menggembeng tenaga sukarelawan itu agar menjadi penggerak utama dalam melancarkan program di bawah naungan Barisan Nasional (BN).

"Anggaran kita selepas ini, seramai 55,000 orang akan dapat kita rangkul dalam satu muafakat menerusi program Komuniti 1Malaysia.

"Setakat ini, dianggarkan seramai 22,000 sukarelawan menyertai program ini menerusi 2,000 unit di seluruh negara," katanya ketika ditemui pemberita selepas pelancaran program Komuniti 1Malaysia oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di sini Jumaat.

Komuniti 1Malaysia, yang disertai sukarelawan dari pelbagai kaum, bertujuan memupuk perpaduan di kalangan masyarakat di negara ini selain mewujudkan masyarakat celik maklumat selari dengan aspirasi 1Malaysia.

Rais berkata Perdana Menteri telah memberikan petua bahawa apa yang dilaksanakan menerusi program itu dapat diterjemahkan ke semua negeri.

"Pelancaran program hari ini adalah permulaan dan akan diteruskan sebaran dan amalannya ke semua negeri selepas ini," katanya.

Mengulas lanjut, Rais berkata Jabatan Penerangan akan bekerjasama rapat dengan Jabatan Hal Ehwal Khas dan agensi multimedia berkaitan untuk memantau perubahan yang berlaku dalam dunia teknologi maklumat (IT) agar ia bersesuaian dengan perjuangan menyeluruh di tanah air.

"Perubahan yang berlaku kepada dunia IT membawa kita kepada nilai-nilai baru dan tidak semestinya semuanya baik," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638430>